

22/08/2003

Serangan berani mati tidak selesai masalah

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedih dengan peristiwa pengeboman di Baitulmaqdis kelmarin, yang mengakibatkan 20 orang terbunuh termasuk kanak-kanak.

Perdana Menteri berkata, peristiwa seumpama itu tidak sepatutnya terus berlaku kerana mangsa adalah kanak-kanak, golongan tua dan orang awam yang tidak mengetahui apa-apa.

"Saya agak sedih dengan peristiwa itu. Saya tak fikir ia akan membantu sesiapa. Kita bom dia... dia bom kita. Bilakah nak selesai. Tak kira siapa kena bunuh, kanak-kanak kecil dibunuh. Saya tak tahu adakah ini perjuangan Islam," katanya mengulas serangan berani mati ke atas sebuah bas di Baitulmaqdis kelmarin.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Menara Kastam Johor di sini, semalam.

Ditanya adakah peristiwa itu memberi harapan kepada pelan damai Palestin-Israel yang sedang berjalan, Dr Mahathir menegaskan Malaysia memang tidak puas hati dengan perjalanan pelan damai itu.

Bagaimanapun, katanya, ia adalah langkah permulaan ke arah mencari penyelesaian terhadap kemelut berpanjangan Palestin dan Israel.

"Kalau pergi bunuh orang, siapa yang nak dengar dan bercakap dengan kita. Walaupun dia jahat, dia bunuh kita. Ini dia bunuh kita, kita bunuh dia. Tak akan habislah," katanya.

Mengenai pembabitan beberapa rakyat Malaysia dalam peristiwa pengeboman di Hotel JW Marriott, Jakarta, Indonesia, baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, sekiranya ada yang terbabit, mereka sewajarnya ditangkap.

"Kalau ada, tangkaplah. Kalau buat jenayah kena hukum ikut undang-undang negara berkenaan," katanya.

Mengulas kenyataan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa parti itu akan melaksanakan undang-undang Islam di negeri yang diperintahnya, manakala di negeri lain terpulang kepada parti dalam pakatan pembangkang yang menguasai negeri berkenaan, Dr Mahathir berkata, Pas mahu memperdayakan sekutunya, DAP dan pengundi.

Katanya, sikap itu jelas membuktikan Pas hanya menggunakan Islam untuk meraih keuntungan politik dan simpati pengundi.

"Dia nak tipulah tu. Lidah bercabang. Negeri dan Pusat cakap lain-lain. Dia nak tipu kawan dia DAP. Dia tipu semua orang. Ini parti Islam... parti Islam apa, parti pembohong," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau pernah bercakap dengan Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan, yang tidak menggunakan nama Islam pada partinya.

"Beliau (Perdana Menteri Turki) kata tak boleh bagi nama Islam pada partinya kerana kalau dia buat silap, orang akan salahkan Islam. Atas sebab itu, dia tak mahu guna (perkataan) Islam pada partinya. Kalau dia lakukan kesalahan, itu adalah kesalahannya, dan bukannya Islam," katanya.

Beliau menegaskan, tiada perjuangan Islam sebenar dalam Pas kerana parti itu menggunakan Islam untuk mencari keuntungan politik sempit.